**MAJLIS BANDARAYA IPOH**

# ARAHAN KEWANGAN BIL. 05/2024

Rujukan : Bil (58) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

19 Mac 2024

Setiausaha Bandaraya,
Semua Pengarah Kanan,
Semua Ketua Jabatan / Unit,
Pembantu Tadbir Kewangan (PT (Kew) PTJ),
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan / Puan,

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BAJET TAHUN 2025 MAJLIS BANDARAYA IPOH**

## 1. TUJUAN

1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Jabatan / Unit bagi penyediaan Cadangan Anggaran Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2025.

**2. FOKUS UTAMA BAJET TAHUN 2025**

2.1. Mulai tahun 2021, penyediaan Anggaran Bajet akan disediakan **secara tahunan** yang melibatkan butiran anggaran hasil dan perbelanjaan.

2.2. **Perbelanjaan Mengurus** perlu diperkukuh melalui **perbelanjaan berfokus dan memberi impak** kemakmuran kepada warga kota Ipoh melalui penyampaian perkhidmatan optimum dan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berstruktur.

2.3. **Perbelanjaan Pembangunan** pula perlu difokuskan kepada pelaksanaan projek-projek fizikal yang mampu memberi **limpahan ekonomi** secara langsung atau tidak langsung kepada Bandaraya Ipoh.

2.4. **Anggaran Hasil** perlu diperkukuhkan dengan memperkasakan jentera kutipan hasil, memperkemaskan kaedah kutipan hasil dan sentiasa berusaha bagi **mengenalpasti bentuk-bentuk hasil baharu.**

2.5. Selaras dengan itu, penyediaan **cadangan anggaran bajet tahunan perlu disusun secara strategik** melalui penyusunan semula keutamaan program dan projek supaya perbelanjaan lebih berfokus, efektif, mengelakkan pembaziran dan kutipan hasil yang optimum. Disamping pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat.

## 3. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

3.1. Ketua Jabatan / Unit hendaklah menyemak dan bertanggungjawab bagi memastikan kemasukan data mengikut **kod hasil adalah munasabah**.

3.2 Anggaran hasil yang disediakan hendaklah **mengandungi perkiraan terperinci** serta **penjelasan kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan** berbanding dengan tahun sebelumnya.

3.3. Penyediaan anggaran hasil hendaklah berdasarkan perkara – perkara berikut:-

i. Rekod kutipan hasil sebenar bagi **tahun 2022, 2023 dan sehingga terkini 2024**;

ii. Perubahan-perubahan yang berlaku sama ada dari segi **dasar, peraturan, kadar kutipan dan kedudukan ekonomi semasa / jangkaan**;

iii. **Usaha-usaha meningkatkan pungutan hasil** yang telah dibuat oleh Jabatan / Unit dan **keberkesanannya dalam meningkatkan kutipan hasil** semasa dan tunggakan;

iv. Mengambil kira **pendapatan yang benar-benar dapat direalisasikan** dalam tahun semasa bajet bagi **mengelakkan "overstated"** yang akan memberikan kesan negatif kepada aliran tunai sebenar Majlis;

v. Penyediaan anggaran Hasil disediakan selari dengan **Pelan Perancangan Strategik Majlis 2021 – 2030** dalam mencapai RM300 juta menjelang tahun 2030;

vi. **Sumber hasil baru telah dikenalpasti dan akan diperolehi** dalam tahun semasa belanjawan.

## 4. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN

4.1. Bagi mencapai matlamat Majlis untuk menguruskan kewangan secara lebih berkesan, Ketua Jabatan / Unit perlu merencanakan strategi perbelanjaan menyeluruh serta mengamalkan prinsip **penggunaan sumber secara optimum**, **aktiviti yang berupaya merangsang ekonomi** dan **memberi nilai tambah dan pengurusan perbelanjaan secara berhemah.**

4.2 Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan 2025 hendaklah berdasarkan perkara-perkara berikut;-

i. Perancangan program dan aktiviti hendaklah dinilai, diubahsuai dan disusun mengikut keutamaan yang berteraskan keberhasilan dan keberkesanan kos serta program yang tidak lagi relevan, mahupun bertindih dari segi fungsi serta kumpulan sasar, **hendaklah ditamatkan**;

ii. Memastikan pematuhan kepada **langkah-langkah penjimatan** dengan **amalan perbelanjaan berhemah** serta mengurangkan **perbelanjaan yang tidak kritikal;**

iii. Mewujudkan **kawalan dalaman** yang lebih teratur dan efektif;

iv. Mengelakkan **pembaziran sumber**;

v. Mengurangkan kos sesuatu program **tanpa menjejaskan produk atau perkhidmatan**;

vi. Mengambil **tindakan yang positif dan proaktif ke atas teguran-teguran** sebelum ini bagi memastikan teguran yang sama tidak berulang;

vii. Penyediaan bagi **peruntukan *One-Off*** seperti perolehan aset termasuk kenderaan, jentera, mesin, peralatan dan kelengkapan **bernilai RM2,000 seunit dan ke atas** perlu **dibuat penilaian dan kajian pasaran** dengan sekurang-kurangnya tiga (3) perbandingan sebutharga;

viii. **Perancangan bagi program / acara Majlis yang memberi impak besar kepada warga kota perlu dirancang dengan teliti dan akan dibincangkan keutamaan dari segi pelaksanaannya**.

## 5. BENTUK DAN FORMAT

5.1. Penyediaan bagi cadangan Anggaran Bajet Tahun 2025 perlu disediakan menggunakan **Modul Smart Bajet Sistem SPBT (manual disertakan)** berdasarkan **Siling Bajet (rujuk lampiran)** yang ditetapkan.

5.2 Penyediaan bagi cadangan Anggaran Bajet Mengurus Tahun 2025 **(Tanpa Siling)** di bawah peruntukan

i. Emolumen (100000);
ii. Perabot & lengkapan pejabat (271970);
iii. Perkhidmatan perubatan (291010);
iv. Perkhidmatan latihan (291070);
v. Program-program Majlis (291310), (294210), (294230), (294240) & (294990);
vi. Upahan (293010),(293020),(293030), (293040) dan (293060);
vii. *One-Off* (300000);
viii. Ganjaran Pekerja Kontrak (474010); dan
ix. Ganjaran Cuti Rehat (481010).

**perlu disediakan butiran terperinci menggunakan Modul Smart Bajet Sistem SPBT di ruangan 'JUSTIFIKASI PEMBELIAN / PEROLEHAN'.**

## 6. TARIKH AKHIR PENGEMASKINIAN CADANGAN ANGGARAN BAJET 2025

6.1. Tarikh akhir bagi pengemaskinian Cadangan Anggaran Bajet 2025 dalam Modul Smart Bajet Sistem SPBT adalah sehingga **31 Mei 2024 (Jumaat).**

6.2 Jabatan / Unit diingatkan untuk **mematuhi tarikh akhir serahan** tersebut memandangkan Cadangan Anggaran Bajet ini akan dibawa untuk kelulusan Pengurusan Tertinggi Majlis sebelum diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**
***“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”***
***“IPOH BESTARI SEJAHTERA”***
***“IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025”***
***“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”***

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO’ HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD)**
Datuk Bandar Ipoh
Majlis Bandaraya Ipoh

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**
**“*PROMISING PERAK*” TMP2024**

## PENETAPAN ANGGARAN SILING PTJ-PK BELANJA2024

| KOD & NAMA JABATAN | | PERUNTUKAN 2024 | BATAS PERBELANJAAN 2025 | BATAS PERBELANJAAN 2026 |
|---|---|---|---|---|
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **226,500,000** | **83,699,318** | **0** |
| **010000** | **PEJABAT DATUK BANDAR** | **387,320** | **297,650** | **0** |
| 010100 | PEJABAT DATUK BANDAR | 113,020 | 54,520 | 0 |
| 010200 | PEJABAT SETIAUSAHA | 0 | 0 | 0 |
| 010300 | UNIT AUDIT DALAM | 5,000 | 4,830 | 0 |
| 010400 | UNIT PERUNDANGAN | 204,800 | 204,800 | 0 |
| 010500 | UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM | 0 | 0 | 0 |
| 010600 | UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) | 0 | 0 | 0 |
| 010700 | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) | 0 | 0 | 0 |
| 010800 | PEJABAT PENGARAH KANAN | 20,000 | 20,000 | 0 |
| 010900 | PEJABAT PEMBANGUNAN PROJEK KHAS | 0 | 0 | 0 |
| 011000 | JABATAN PERANCANGAN KORPORAT | 0 | 0 | 0 |
| 011100 | JABATAN PENGURUSAN FASILITI | 0 | 0 | 0 |
| 011200 | JABATAN UKUR BAHAN DAN PEROLEHAN | 0 | 0 | 0 |
| 011400 | JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT | 0 | 0 | 0 |
| 011500 | UNIT INTEGRITI | 44,500 | 13,500 | 0 |
| **020000** | **JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN** | **145,276,577** | **4,465,515** | **0** |
| 020100 | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN - PENTADBIRAN | 145,276,577 | 4,465,515 | 0 |
| 020200 | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN - SUMBER MANUSIA | 0 | 0 | 0 |
| 020300 | JAB. KHID. P'GURUSAN - PENGURUSAN PRESTASI | 0 | 0 | 0 |
| 020400 | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN - MAJLIS | 0 | 0 | 0 |
| 020600 | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN - LATIHAN | 0 | 0 | 0 |
| **030000** | **JABATAN PERBENDAHARAAN** | **28,776,570** | **27,997,870** | **0** |
| 030100 | JABATAN PERBENDAHARAAN - BELANJA | 28,776,570 | 27,997,870 | 0 |
| 030200 | JABATAN PERBENDAHARAAN - LETAK KERETA | 0 | 0 | 0 |
| 030300 | JABATAN PERBENDAHARAAN - KAWALAN TUNGGAKAN | 0 | 0 | 0 |
| 030400 | JABATAN PERBENDAHARAAN - HASIL | 0 | 0 | 0 |
| 030500 | JABATAN PERAKAUNAN - AMANAH | 0 | 0 | 0 |
| 030600 | JABATAN PERBENDAHARAAN - BAJET | 0 | 0 | 0 |
| 030700 | JABATAN PERAKAUNAN - AKAUN | 0 | 0 | 0 |
| 030800 | JABATAN PERAKAUNAN - ASET | 0 | 0 | 0 |
| **040000** | **JABATAN PENILAIAN DAN HARTANAH** | **2,925,300** | **2,910,300** | **0** |
| 040100 | JABATAN PENILAIAN & HARTANAH - AM | 2,925,300 | 2,910,300 | 0 |
| 040200 | JABATAN PENILAIAN & HARTANAH - TEKNIKAL | 0 | 0 | 0 |
| 040300 | JABATAN PENILAIAN & HARTANAH - PENG HARTA | 0 | 0 | 0 |
| **050000** | **JABATAN PERANCANGAN BANDAR** | **140,800** | **136,800** | **0** |
| 050100 | JABATAN PERANCANG BANDAR | 140,800 | 136,800 | 0 |
| **060000** | **JABATAN TAMAN & LANDSKAP** | **1,183,100** | **1,128,100** | **0** |
| 060100 | JABATAN TAMAN & LANDSKAP - PENTADBIRAN & AM | 1,183,100 | 1,128,100 | 0 |
| 060200 | JABATAN TAMAN & LANDSKAP- REKABENTUK | 0 | 0 | 0 |
| 060300 | JABATAN TAMAN & LANDSKAP - PENYELENGGARAAN | 0 | 0 | 0 |
| 060400 | JABATAN TAMAN & LANDSKAP - REKREASI | 0 | 0 | 0 |

## PENETAPAN ANGGARAN SILING PTJ-PK BELANJA2024

| KOD & NAMA JABATAN | | PERUNTUKAN 2024 | BATAS PERBELANJAAN 2025 | BATAS PERBELANJAAN 2026 |
|---|---|---|---|---|
| **070000** | **JABATAN KEJURUTERAAN INFRA** | **568,600** | **558,450** | **0** |
| 070100 | JABATAN KEJURUTERAAN INFRA - AM | 568,600 | 558,450 | 0 |
| 070200 | JABATAN KEJURUTERAAN INFRA - SALIRAN | 0 | 0 | 0 |
| 070300 | JABATAN KEJURUTERAAN INFRA - LALULINTAS | 0 | 0 | 0 |
| 070400 | JAB KERJA DAN BANGUNAN - PENG PENTADBIRAN AM | 0 | 0 | 0 |
| 070500 | JAB KERJA DAN BANGUNAN - MEKANIKAL& ELEKTRIKAL BGN | 0 | 0 | 0 |
| 070600 | JABATAN KEJURUTERAAN INFRA - JALAN | 0 | 0 | 0 |
| **080000** | **JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN** | **1,240,160** | **1,220,160** | **0** |
| 080100 | JAB KESIHATAN PERSEKITARAN -U.PTDBRN &KESIHATAN AM | 1,240,160 | 1,220,160 | 0 |
| 080200 | JAB KESIHATAN PERSEKITARAN - PENG PASAR & PENJAJA | 0 | 0 | 0 |
| 080300 | JAB KESIHATAN PERSEKITARAN-KESELAMATAN&KUALITI MKN | 0 | 0 | 0 |
| 080400 | JAB KESIHATAN PERSEKITARAN- KAWALAN VEKTOR | 0 | 0 | 0 |
| 080500 | JAB PERKHIDMATAN PERBANDARAN - UNIT PENTADBIRAN | 0 | 0 | 0 |
| **090000** | **JABATAN PERKHIDMATAN KOMUNITI** | **895,700** | **603,600** | **0** |
| 090100 | JABATAN PERKHIDMATAN KOMUNITI | 895,700 | 603,600 | 0 |
| 090200 | JABATAN PERKHIDMATAN KOMUNITI - P'PUSTAKAAN | 0 | 0 | 0 |
| 090600 | JAB PERKID KOMUNITI - BHG KOM, PLCONG &ABANGSA | 0 | 0 | 0 |
| **100000** | **JABATAN KAWALAN PEMBANGUNAN** | **114,420** | **106,420** | **0** |
| 100100 | JABATAN KAWALAN PEMBANGUNAN | 114,420 | 106,420 | 0 |
| **110000** | **JABATAN PENGUATKUASAAN & KESELAMATAN** | **587,450** | **542,650** | **0** |
| 110100 | JAB PENGUATKUASAAN & KESELAMATAN - PENGUATKUASA | 587,450 | 542,650 | 0 |
| 110200 | JABATAN PELESENAN - PELESENAN | 0 | 0 | 0 |
| **120000** | **JABATAN PERANCANGAN KORPORAT** | **551,280** | **405,180** | **0** |
| 120100 | JABATAN PERANCANGAN KORPORAT | 551,280 | 405,180 | 0 |
| **130000** | **JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT** | **1,901,300** | **1,496,300** | **0** |
| 130100 | JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT | 1,901,300 | 1,496,300 | 0 |
| **140000** | **UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)** | **19,800** | **19,800** | **0** |
| 140100 | UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) | 19,800 | 19,800 | 0 |
| **150000** | **UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)** | **10,400** | **10,400** | **0** |
| 150100 | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) | 10,400 | 10,400 | 0 |
| **160000** | **JABATAN PENGURUSAN FASILITI** | **292,395** | **292,395** | **0** |
| 160100 | JABATAN PENGURUSAN FASILITI | 292,395 | 292,395 | 0 |
| **170000** | **JABATAN UKUR BAHAN DAN PEROLEHAN** | **22,900** | **22,900** | **0** |
| 170100 | JABATAN UKUR BAHAN DAN PEROLEHAN | 22,900 | 22,900 | 0 |
| **180000** | **JABATAN PERAKAUNAN** | **3,131,850** | **3,131,550** | **0** |
| 180100 | JABATAN PERAKAUNAN - AKAUN | 3,131,850 | 3,131,550 | 0 |
| **190000** | **JABATAN KERJA DAN BANGUNAN** | **10,199,900** | **10,097,100** | **0** |
| 190100 | JAB KERJA DAN BANGUNAN - PENG PENTADBIRAN AM | 10,199,900 | 10,097,100 | 0 |

## PENETAPAN ANGGARAN SILING PTJ-PK BELANJA2024

| KOD & NAMA JABATAN | | PERUNTUKAN 2024 | BATAS PERBELANJAAN 2025 | BATAS PERBELANJAAN 2026 |
|---|---|---|---|---|
| **200000** | **JABATAN PELESENAN** | **249,050** | **234,550** | **0** |
| 200100 | JABATAN PELESENAN | 249,050 | 234,550 | 0 |
| **210000** | **JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN** | **28,025,128** | **28,021,628** | **0** |
| 210100 | JAB PERKHIDMATAN PERBANDARAN - UNIT PENTADBIRAN | 28,025,128 | 28,021,628 | 0 |

## CARTA ALIRAN KERJA: PROSES SMART BAJET




## CARTA ALIRAN KERJA: PROSES SMART BAJET



## CARTA ALIRAN KERJA: PROSES SMART BAJET

B



5. SUB MODUL : KEMASUKAN JUSTIFIKASI PEMBELIAN



6. SUB MODUL : CETAKAN JUSTIFIKASI PEMBELIAN

C

## CARTA ALIRAN KERJA: PROSES SMART BAJET

C

LAPORAN JUSTIFIKASI




TAMAT